



PERINGATAN PERTAMA

Ruj. Kami : ANMSEL.A.400-1/3/14 JLD.2 (42)

Tarikh : 17 April 2026

Pengarah

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor
Suite 405-7, Tingkat 3A, West Wing
Wisma Consplant 2, No.7, Jalan SS16/1
47509 SUBANG JAYA
Selangor Darul Ehsan

Puan,

SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT BAGI BULAN MAC 2026

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

- Dimaklumkan bahawa selaras dengan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 5 Tahun 2023**, Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya 14 hari dari hari pertama bekerja pada bulan berikutnya**. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ uan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki (SPB) dalam tempoh yang ditetapkan.
- Sehubungan itu, kerjasama pihak Puan adalah dipohon untuk mengemukakan SPB tersebut berserta dengan surat tunjuk sebab yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing kepada jabatan ini selewat-lewatnya pada **30 April 2026**.
- Kelewatan atau kegagalan mengemukakan Sijil Pengesahan Baki tersebut akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b).
- Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai	Jawatan	No. Telefon
Puan Ratna Dewi Binti Nursal	Penolong Pengarah Kanan	03-5520 5333
Puan Norsuzila Binti Misbah	Penolong Akauntan	03-5520 5270
Puan Nurul Syuhada binti Baharin (PIC)	Penolong Akauntan (KUP)	03-5520 5306

- Perhatian dan kerjasama pihak Puan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(**SHAHNAZ BIN ABD SALAM** C.A.(M), CPA(M))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Selangor
No. Tel : 03-55205201
E-mel : pneg_sgr@anm.gov.my

Lien/Drive-SPB-Vot-Surat Peringatan-2026